

MESEJ HARI KESIHATAN SEDUNIA 2009

Mesej Utama

Masalah: Banyak kemudahan kesihatan, anggota dan pesakit terdedah kepada detik kecemasan semasa dan selepas berlakunya bencana/malapetaka. Kemudahan-kemudahan kesihatan juga tidak dapat menyediakan perkhidmatan semasa krisis.

Apa tindak balas kita?

1. Memastikan kemudahan-kemudahan kesihatan mampu bertahan dan dapat terus berfungsi dalam detik-detik kecemasan bagi melindungi anggotanya dan pesakit serta terus menyediakan perkhidmatan.
2. Kesungguhan politik bagi memastikan kesiapsiagaan kemudahan kesihatan sebagai keutamaan negara dan melabur dalam reka bentuk, pembinaan dan operasi yang selamat bagi memastikan perkhidmatan kesihatan sentiasa dapat disediakan
3. Menjalinkan kerjasama kukuh yang menghubungkan pihak-pihak berkaitan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
4. Orang awam yang akan menyuarakan hak untuk mendapatkan kemudahan kesihatan yang kukuh dan dapat berfungsi semasa kecemasan.

Hasilnya: Kemudahan kesihatan yang selamat akan menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Mesej untuk pelbagai kumpulan sasaran (sesetengah mesej adalah sesuai untuk beberapa kumpulan sasaran)

Pembuat keputusan/penggubal undang-undang (Kerajaan, Kementerian Kesihatan, Pihak pengurusan hospital):

- Kemudahan kesihatan diancam oleh pelbagai jenis situasi kecemasan. Oleh itu keselamatan dan kemampuan berfungsi perlu dipertingkatkan.
- Kemudahan kesihatan yang paling mahal tidak semestinya dapat berfungsi dengan baik semasa kecemasan.
- Mengambil kira perlindungan menyeluruh menghadapi gempa bumi dan keadaan cuaca dalam reka bentuk dari peringkat awal, hanya menambah 4% daripada jumlah kos.
- Kemudahan kesihatan yang selamat adalah kunci kepada kecekapan tindak balas semasa kecemasan, kesiapsiagaan dan keutuhan komuniti.

Pakar reka bentuk (jurutera, arkitek, utiliti):

- Hospital perlu dibina dengan selamat dari mula berbanding dibina semula atau dibaiki semula.
- Kemudahan kesihatan bukan sekadar batu bata dan mortar. Kemudahan kesihatan adalah tempat kritikal yang menyediakan kemudahan kesihatan seperti makmal, tabung darah dan farmasi.
- Kemudahan kesihatan bergantung kepada infrastruktur, keselamatan, perkhidmatan dan sokongan komuniti.
- Pembinaan semula kemudahan kesihatan selepas dilanda bencana mesti memastikan tahap keselamatan dan fungsi yang lebih baik.
- Semua jenis kecemasan boleh memberi ancaman kepada semua kemudahan kesihatan.

Pekerja kesihatan:

- Semua pekerja kesihatan mesti kerja berpasukan bagi memastikan perkhidmatan dan penjagaan komuniti yang optima.
- Semua pekerja kesihatan perlu tahu peranan mereka semasa kecemasan.
- Pekerja kesihatan adalah benteng pertama semasa krisis. Penjagaan kesihatan yang berkesan bergantung kepada mereka. Oleh itu, mereka perlu sentiasa berwaspada dan bersedia untuk bertindak.
- Ketahui risiko anda – Bertindak! Usah tunggu sehingga menjadi mangsa bagi mempelajari perkara yang telah pun diketahui.

Orang awam:

- Kemudahan kesihatan yang selamat semasa kecemasan adalah hak dan tanggungjawab bersama.
- Inisiatif ekonomi, sosial dan politik mampu memastikan kemudahan kesihatan selamat semasa kecemasan.
- Ini adalah masalah yang boleh ditangani. Terdapat banyak cara bagi memastikan kemudahan kesihatan selamat semasa kecemasan.
- Kemudahan kesihatan adalah aset komuniti yang paling bernilai: kerana peranan yang dimainkan semasa bencana.

Perkhidmatan kecemasan:

- Kemudahan kesihatan yang selamat adalah penentu kepada bentuk tindakan komuniti semasa kecemasan. Krisis mengancam kemudahan kesihatan dan mengganggu perkhidmatan kesihatan awam.
- Kemudahan kesihatan bergantung kepada infrastruktur, keselamatan, perkhidmatan dan sokongan komuniti.

Warna: Hues of green

Hijau merupakan satu kuasa penyembuhan kesihatan dan komunikasi. Hijau adalah warna yang mendamaikan di pandangan mata manusia. Warna ini melambangkan pembaharuan, percambahan semula, kehidupan dan tumbesaran.

Sumber: *Blue is hot, red is cool; Choosing the right color for your logo.*

Konsep

Simbol melambangkan tiga (3) persilangan asas yang bertindih di atas satu sama lain. Ia menunjukkan persefahaman/perpaduan/kerjasama (bahagian tengah logo) pihak-pihak yang terlibat dalam pelbagai sektor berkongsi maklumat dan sumber bagi menyelamatkan nyawa dan menjadikan hospital selamat semasa kecemasan.

Simbol

3 komponen utama	3 matlamat bagi hospital semasa kecemasan
Berstruktur	Hospital yang selamat adalah kuat strukturnya dan tidak akan runtuh semasa bencana, mahupun mencederakan pesakit dan anggotanya.
Bukan berstruktur	Kemudahan kesihatan yang bertindak mengikut kesesuaian keperluan kecemasan dan terus memberikan perkhidmatan sebagai kemudahan komuniti yang kritikal apabila diperlukan.
Berfungsi	Hospital yang utuh adalah bersistematik, lengkap dengan pelan kesiapsiagaan dan mempunyai anggota yang terlatih bagi memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dalam apa jua keadaan.

Bentuk: Bintang kehidupan

Bentuk kempen identiti hospital selamat semasa kecemasan diilhamkan oleh simbol bintang kehidupan yang digunakan oleh Pentadbiran Keselamatan Lalu Lintas Lebuhraya Kebangsaan, Amerika Syarikat (U.S. National Highway Traffic Safety Administration- NHTSA) sebagai tanda pengesahan atau persijilan bagi ambulans, paramedik atau anggota perkhidmatan perubatan kecemasan (EMS) yang lain. Di peringkat antarabangsa, ia melambangkan unit dan anggota EMS. Bintang berwarna jingga (orange) digunakan bagi unit mencari dan menyelamatkan dan bentuk ini dalam versi lain juga digunakan untuk juruteknik perubatan hidupan liar kecemasan.

Walau pun bentuk bintang ini digunakan bukan untuk persijilan, simbol ini secara lazimnya digunakan sebagai tanda pengenalan bagi anggota, peralatan dan pengangkutan perubatan.

Kebanyakan perkhidmatan ambulan menandakan simbol ini pada kenderaan, dan anggota ambulan memakai bentuk ini sebagai sebahagian uniform mereka. Bentuk ini juga wujud dalam pelbagai buku dan barangan perubatan yang ada di pasaran.